# BULETIN FKA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

EDISI 2025

## PENGAJIAN KEJURUTERAAN AWAM

### UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG








# *Message from Ketua Pusat Pengajian*



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh and greetings,

It is a pleasure to welcome you to the 2025 edition of Buletin FKA. This bulletin brings together the activities, achievements and memorable moments of the School of Civil Engineering, UiTM Cawangan Pulau Pinang throughout the year.

Looking back, 2025 has been a meaningful year for our School. While the achievements recorded in this bulletin deserve recognition, I believe our true strength lies in the people behind them. Every programme, student activity, research initiative and community engagement reflects the time and effort contributed by our lecturers, administrative staff, technical staff and students.

As educators, our responsibility extends beyond delivering academic content. We must prepare our students to think carefully, act professionally and respond confidently to the challenges they will encounter as civil engineers. The engineering profession continues to change, and our students must be ready to work with new technologies while remaining attentive to public safety, environmental concerns and the needs of society.

I am particularly grateful for the cooperation shown by everyone throughout the year. Some contributions are clearly visible through awards, publications and successful programmes, while many others take place quietly behind the scenes. Both are equally important to the continued success of our School.

To our students, I encourage you to make full use of every opportunity available during your time at UiTM. Academic knowledge provides the foundation, but your willingness to learn, communicate and take responsibility will shape the kind of engineer you eventually become.

I would also like to thank our alumni, industry partners and collaborators for continuing to share their knowledge and experience with us. Their involvement helps ensure that our teaching and activities remain relevant to professional practice.

Finally, congratulations to the editorial team and everyone who contributed to this edition. I hope Buletin FKA 2025 will serve as a meaningful record of our shared journey and remind us of what we can accomplish when everyone contributes.

Thank you and Wassalam.

Kapt. (PA) Ts. Dr. Muhamad Faizal bin Pakir Mohamed Latiff
Ketua Pusat Pengajian
Pengajian Kejuruteraan Awam
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang

***Sidang Editorial:***
*Unit Penerbitan PKA*

***Ketua Editor:***
*Dr. Kuan Woei Keong*

***Editor Artikel:***
*Prof. Madya Ts. Dr. Kay Dora Abd Ghani*
*Prof. Madya Dr. Noorsuhada Md Nor*
*Prof. Madya Ir. Dr. Ng Kok Shien*
*Prof. Madya Ir. Dr. Goh Lyn Dee*
*Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Ikmal Fazlan bin Rosli@Rozli*
*Dr. Salina Alias*
*Juliana Idrus*

***Editor Grafik:***
*Ahmad Syauqi Md Hasan*

**Website : https://ppkapp.uitm.edu.my/buletin.php**
**Facebook: https://www.facebook.com/pkauitmcpp/**

eISSN 2716-6325
9 772716 632004

**Diterbitkan pada 17 September 2026**

# Lakonan Kreatif Memupuk Kesedaran Bahaya Banjir

## *Pembelajaran Interaktif dan Berpusatkan Pelajar*

*Nurulzatushima Abdul Karim, Marni Jamil, Aalia Arifin, Fatin Syahmina Mohd Fauzey ,*
*Nik Farhanim Imran, Raja Rosila Raja Ibrahim*

Aktiviti Role Play: Tides & Talents merupakan satu pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman yang memberi penekanan kepada penglibatan aktif pelajar dalam memahami isu keselamatan dan kesiapsiagaan bencana melalui simulasi situasi sebenar. Aktiviti ini direka untuk membolehkan pelajar menghayati peranan individu dan komuniti dalam menghadapi situasi kecemasan secara langsung, sekali gus menjadikan proses pembelajaran lebih bermakna, interaktif, dan berimpak tinggi. Pelaksanaan aktiviti Role Play ini telah dijalankan di dua buah sekolah menengah kebangsaan di Seberang Perai Utara (SPU), iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Bakti, Tasek Gelugor pada 07 hingga 08 Oktober 2025, serta Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Hj. Ahmad Said, Sungai Dua, SPU. Dalam pelaksanaan aktiviti ini, pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan diberikan situasi lakonan yang berbeza untuk dilaksanakan. Situasi yang dilakonkan adalah berdasarkan senario kehidupan sebenar seperti kehilangan ahli keluarga semasa kecemasan, pelaksanaan misi agihan bantuan, situasi panik dan pemindahan di sekolah, serta kejadian banjir kilat di kawasan awam. Setiap kumpulan diberikan masa persediaan yang mencukupi untuk merancang jalan cerita, menyediakan skrip ringkas, menentukan watak utama dan sokongan, serta merancang penggunaan prop dan kesan bunyi yang bersesuaian dengan situasi yang dilakonkan.

Pendekatan role play ini memberi peluang kepada pelajar untuk berfikir secara kritikal dan kreatif dalam menyampaikan mesej keselamatan kepada penonton. Pelajar bukan sahaja berperanan sebagai pelakon, malah turut diberi tanggungjawab sebagai stage crew dan effects crew yang menguruskan susun atur pentas, pertukaran babak, bunyi latar, dan kesan khas sepanjang persembahan berlangsung. Penglibatan pelajar dalam pelbagai peranan ini membantu membina keyakinan diri, kemahiran komunikasi, serta semangat kerja berpasukan yang tinggi. Sepanjang aktiviti berlangsung, guru sekolah dan fasilitator utama berperanan membimbing pelajar, memantau sesi latihan, serta memberi panduan dan maklum balas secara berterusan bagi memastikan setiap persembahan berjalan dengan lancar dan mencapai objektif yang ditetapkan.




*Lakonan bersahaja dari peserta yang mengambil bahagian.*

Persembahan yang dipentaskan oleh setiap kumpulan bukan sahaja memaparkan kreativiti pelajar, malah berjaya menggambarkan kepentingan tindakan awal, komunikasi yang berkesan, serta kerjasama antara individu dan komuniti dalam menghadapi situasi kecemasan.. Aktiviti Role Play ini telah memberikan impak yang signifikan terhadap tahap kesedaran dan kefahaman pelajar. Melalui simulasi situasi sebenar, pelajar dapat memahami dengan lebih jelas langkah keselamatan yang perlu diambil, peranan yang perlu dimainkan oleh setiap individu, serta kepentingan mematuhi arahan pihak berkuasa semasa kecemasan. Pengalaman ini menjadikan mesej keselamatan lebih mudah dihayati dan diingati berbanding pendekatan pembelajaran secara teori semata-mata.

Di akhir pelaksanaan aktiviti, para pelajar yang terlibat telah diberikan penghargaan berupa hamper sebagai tanda apresiasi terhadap komitmen, kerjasama, dan persembahan cemerlang yang ditunjukkan sepanjang aktiviti lakonan. Pemberian penghargaan ini bukan sahaja menjadi pengiktirafan atas usaha dan kreativiti pelajar, malah turut berperanan sebagai motivasi untuk menggalakkan penglibatan aktif serta semangat pembelajaran yang positif dalam kalangan pelajar.

Secara keseluruhannya, aktiviti Role Play: Tides & Talents telah berjaya mencapai objektif sebagai satu medium pendidikan yang efektif dan berkesan. Aktiviti ini membuktikan bahawa pendekatan pembelajaran interaktif dan berpusatkan pelajar mampu meningkatkan kesedaran, membentuk sikap bertanggungjawab, serta memperkukuh kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Sebagai sebahagian daripada inisiatif kesedaran awam di bawah Program Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB), aktiviti role play ini telah menyumbang secara signifikan ke arah pembentukan generasi yang lebih peka, bersedia, dan berdaya tahan dalam menghadapi situasi kecemasan pada masa hadapan.




*Para peserta sedang berlatih sebelum giliran Kumpulan dipanggil.*